

Usahawan NCER Berpotensi Jana RM5 juta Jualan di Tiga Ekspo Perdagangan

Pulau Pinang, 24 Julai 2024 – Usahawan-usahawan di bawah program empowerNCER anjuran Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dijangka menjana jualan berpotensi sebanyak RM5 juta melalui tiga (3) ekspo perdagangan iaitu Malaysia Fest Singapore, Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) dan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS).

Seramai 31 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan menyertai tiga (3) ekspo berkenaan yang akan berlangsung pada Julai dan September 2024 di bawah Pavilion Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan berkata Pavilion NCER merupakan platform terbaik kepada PMKS untuk menerokai pasaran eksport dan meningkatkan daya saing bagi merebut peluang menjadi pembekal kepada syarikat besar di peringkat antarabangsa.

“Sejak 2019 sehingga Disember 2023, NCIA telah membantu seramai 102 PMKS untuk menyertai pelbagai ekspo perdagangan sekali gus mencatatkan jumlah nilai eksport melalui memorandum perjanjian (MoA) yang direalisasikan bernilai RM5.61 juta selain menjana jualan terkumpul sebanyak RM1.17 juta.

“NCIA telah mempersiapkan setiap PMKS dengan kemahiran dan strategi perniagaan yang tepat bagi mempermudah mereka menyertai sesi padanan perniagaan dengan potensi pelanggan dan menyediakan ruang untuk mereka menjalin hubungan dengan pelbagai pihak berkaitan dalam industri yang disasarkan,” kata beliau.

Ekspo Malaysia Fest Singapore akan berlangsung pada 25 hingga 28 Julai manakala MAHA bermula pada 11 hingga 22 September diikuti MIHAS pada 17 hingga 20 September.

Mohamad Haris berkata, NCIA sentiasa komited untuk memperkukuh ekosistem perniagaan di NCER melalui program-program NCER selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025.

“Penyediaan ekosistem perniagaan yang mantap amat penting bagi memastikan setiap sektor ekonomi mampu beradaptasi dan berevolusi seiring dengan perkembangan pesat ekonomi tempatan dan antarabangsa.

“Ini secara tidak langsung dapat merancakkan pengembangan perniagaan ke kawasan-kawasan kurang membangun dan seterusnya memacu pembangunan ekosistem perniagaan yang lebih menyeluruh bukan sahaja di NCER, malah ke seluruh negara,” jelas Mohamad Haris.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman sesawang NCER di www.ncer.com.my.

-TAMAT-

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkenaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

<p>En. Fairus Kassim Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: fairus@ncer.com.my No Tel: + 019-3272507 GL: + 604-502 0708</p>	<p>En. Ariff Ahmad Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: ariffahmad@ncer.com.my No Tel: + 016-3288944 GL: + 604-502 0708</p>
--	---

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>